

Elak tebuk batang

MEMILIH pokok bonsai sebagai penyeri laman antara langkah bijak khususnya bagi kediaman kecil.

Hari ini bonsai menjadi kebanggaan setiap pemilikinya kerana ia menyerlah visual kehijauan dan semula jadi laman.

Bonsai boleh dibentuk sejak daripada awal peringkat pertumbuhannya sama ada dari biji benih, keratan yang cantik dan usianya.

Berikut beberapa panduan penjagaan bonsai supaya kekal subur dan tidak terbantut tumbesarannya.

Penggunaan pasu kecil antara pilihan terbaik kerana ia dapat membantu pandangan visual bonsai kelihatan lebih besar.

Kandungan tanah yang

banyak dalam pasu dapat membantu air disimpan untuk tumbesaran akar lebih terancang.

Biasanya bonsai yang cantik mempunyai daun halus atau kecil, batang utama tidak berlubang.

Elak daripada menebuk atau memaku batang pokok bonsai kerana kesan luka boleh menjejaskan pertumbuhan dan keindahan sebenar pokok itu.

Bagi bonsai yang matang, tabur baja organik seperti baja ayam, kambing dan soya

pada keliling batang pokok dua kali sebulan.

Kurangkan kuantiti baja pada bonsai yang baru dipangkas, namun pemberian baja

perlu dilakukan lebih kerap seminggu sekali amat digalakkan.

Aktiviti memangkas dan mengemas kini bentuk pokok dilakukan dua minggu sekali atau gunting cabang baru yang tidak diperlukan.

Buang semua daun yang ada hingga menampakkan ranting saja antara kaedah untuk mendapatkan bentuk bonsai sekata pertumbuhannya.

Kriteria pertumbuhan bonsai yang baik ialah saiz dahan sebaiknya satu pertiga daripada saiz batang pokok bonsai.

Bonsai yang kurang cahaya matahari menghasilkan daun besar sekali gus menjejaskan tumbesarannya.